

Pulihkan Umno lama

Parlimen tiada hak: Mahathir

Ⓟ

BN 13 DEC 1989

Oleh **JAILANI HARUN**

KUALA LUMPUR, Selasa — Perpaduan Melayu tidak dapat dicapai dengan cara memulihkan semula Umno lama melalui Parlimen, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Parlimen tidak boleh dijadikan mahkamah rayuan terakhir untuk membatalkan sesuatu keputusan mahkamah kerana ini akan menjejaskan kewibawaan undang-undang negara.

"Kerajaan tidak akan berlaku adil kepada parti pembangkang jika parti yang memerintah menggunakan majoritinya di Parlimen untuk membatalkan keputusan mahkamah terhadapnya.

Sudah faham

"Jika ini dibenarkan, bermakna parti yang membentuk kerajaan boleh menggunakan majoritinya di Parlimen untuk mengubah keputusan mahkamah yang memberi faedah kepada parti pembangkang.

"Sama ada Parlimen digunakan untuk mengubah keputusan mahkamah ke atas parti pemerintah atau parti pembangkang, hanya adalah tidak adil. Kita boleh meminda undang-undang sebelum keputusan mahkamah dibuat, tetapi tidak boleh menggunakan Parlimen untuk mengubah keputusan yang sudah dibuat oleh mahkamah," katanya.

Bellau menegaskan demklan dalam pertemuannya kira-kira setengah jam dengan pemimpin parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, di bangunan Parlimen di sini hari ini. Turut hadir ialah Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat dan Setia-

saha Agung Semangat 46, Datuk Haji Suhalmi Kamaruddin.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun mereka mempunyai pendapat yang berbeza mengenai perpaduan Melayu, sekurang-kurangnya kedua-dua pihak audah faham pendirian masing-masing.

"Pada pendapat Tengku Razaleigh, perpaduan Melayu boleh dicapai jika Umno lama dipulihkan melalui Parlimen. Saya menegaskan bahawa perkara itu tidak boleh dibuat, walaupun beliau menekankan Parlimen boleh membatalkan keputusan mahkamah.

"Saya menjelaskan Parlimen tidak berhak membatalkan keputusan mahkamah. Jika Parlimen boleh berbuat demikian, maka Parlimen akan dijadikan tempat terakhir untuk menyelesaikan perkara yang menyentuh undang-undang negara.

"Oleh yang demikian, Parlimen tidak sepatutnya diberi kuasa yang ada pada mahkamah. Di sini ada perbezaan pendapat. Beliau menekankan bahawa Parlimen ada hak berbuat demikian, sedangkan saya berkata tidak boleh," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga memperjelaskan kepada Tengku Razaleigh bahawa plntu Umno tetap terbuka kepada seslapa saja orang Melayu yang ingin menganggotainya.

Menurutnya, seslapa yang inginkan jawatan dalam parti hendaklah terlebih dahulu menjadl ahli dan bertanding dalam pemilihan pucuk kepimpinan, mengikut perlembagaan parti.

Umno yang ada sekarang adalah Umno yang dulu juga, cuma dalam satu jangka masa hanya disytlharkan tidak sah. Kita terpaksa mendaftarnya semula. Yang sekarang cuma satu Umno saja," katanya.

Lihat muka 2

Tiada mandat disertai semula Umno

DARI MUKA 1

Tengku Razaleigh juga, katanya memberitahu bahawa beliau (Tengku Razaleigh) tidak ada mandat untuk menyertai semula Umno ataupun bergabung dalam Barisan Nasional.

"Bellau hanya berkata akan menyampaikan pandangan saya kepada anggota Semangat 46," katanya.

Menjawab soalan pemberita sama ada beliau kecewa dengan hasil rundingan itu, Presiden Umno itu berkata apa yang penting ialah mereka dapat menegakkan pendirian masing-masing.

"Beliau bagaimanapun bersetuju dengan pendapat saya bahawa yeryaduan Melayu memang tidak wujud walaupun di zaman Malayan Union. Memanglah sukar untuk menyatukan orang Melayu seratus peratus, tetapi apa yang penting ialah sebahagian besar mereka sudah bersatu bawah satu parti, iaitu Umno.

"Dari apa yang saya nampak, sudah ada majoriti Melayu dalam Umno. Saya yakin pertemuan ini akan mendorong lebih ramai orang Melayu menyertai Umno," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat masalah perpaduan Melayu dapat diselesaikan menjelang atau selepas pilihan raya nanti.

"Dalam keadaan politik seperti ini adalah perkara biasa. Kita perlu menjangka perkara seyeri ini akan berlaku dan bersedia menghadapinya," katanya.

Mengenal perkara lain yang dibincangkan, beliau berkata pemimpin Semangat 46 bersetuju dengan beberapa hal lain, iaitu perlunya parti pembangkang yang bersifat membina serta kejayaan perjanjian yang dimeterai dengan Parti Komunis Malaya (PKM) baru-baru ini.

Mengenai sama ada rundingan sedemikian akan diadakan lagi pada masa depan, Datuk Seri, Dr Mahathir berkata beliau sedia berbuat demikian jika difikirkan perlu.